BAB 4 : MAKANAN DAN PEMAKANAN	
4.5 Label Makanan	
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 4.5.1 Mengenal pasti maklumat yang terdapat pada label makanan. 4.5.2 Menerangkan kepentingan label makanan.. 4.5.3 Menganalisis maklumat yang terdapat dalam beberapa label produk makanan. 4.5.4 Menilai kesan label makanan terhadap pengguna

NOTA

Label Makanan

Memberikan maklumat yang penting terhadap makanan yang terdapat di pasaran
Membantu pengguna membuat pilihan makanan yang bijak.

Kepentingan Label Makanan

LIVEWORKSHEETS

Maklumat yang diberikan kepada pengguna pada label makanan mestilah:

- Benar dan tepat
- Mempunyai kesahihan dan kredibiliti
- Boleh difahami tidak mengelirukan pengguna.
- Nyata dan jelas

MAKLUMAT YANG TERDAPAT PADA LABEL MAKANAN.

(9 maklumat penting)

1 **Tarikh luput penggunaan**
Tarikh tamat tempoh jaminan atau kualiti kesegaran makanan.

2 **Komposisi makanan**
Senarai nutrien yang terkandung dalam makanan.

3 **Senarai ramuan**
Kandungan bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan.

4 **Nama dan alamat pengilang**
Rujukan jika terdapat masalah berkaitan produk makanan.

5 **Kod bar**
Identitikasi barangan di pasaran.

6 **Jenama makanan**
Nama produk makanan oleh pembuat, pengeluar atau pengilang di pasaran.

7 **Isi padu**
Berat sebenar kandungan dalam ukuran metrik.

8 **Pengawet dan pewarna**
Bahan tambahan yang terdapat dalam ramuan makanan.

9 **Tanda 'Halal' Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**
Piawaian kepada produk yang bersih, baik dan suci.

Anda perlu merujuk video dari youtube yang disertakan untuk lebih memahami kepentingan label makanan.

https://www.youtube.com/watch?v=PyLk2c7uwRc

LIVEWORKSHEETS

Kesan Label Makanan Terhadap Pengguna :
(http://info-label.blogspot.com/p/makanan.html)

1 **Memilih makanan yang sihat dan menyeluruh**
Label makanan berfungsi sebagai perantara komunikasi dengan pihak pengeluar makanan yang ingin menerangkan kepada pengguna akan kebaikan produknya daripada sudut kesihatan.

2 **Menilai makanan**
Ilmu pengetahuan adalah kunci penilaian yang baik. Dengan memahami makna istilah yang terkandung di dalam label, kita boleh membandingkan jenis-jenis makanan berdasarkan faktor seperti kandungan nutrien dan kualiti ramuan yang digunakan

3 **Menjamin kualiti produk**
Maklumat pemakanan pada label, pihak pengeluar bertanggungjawab untuk menjalankan prosedur jaminan kualiti supaya maklumat tersebut adalah benar sepanjang masa. Kualiti produk lebih terjamin kerana pihak pengeluar akan berusaha memelihara kandungan nutrien di dalam produknya sepertimana yang tertera pada label.

LATIHAN

ARAS RENDAH

1. Nyatakan empat maklumat yang perlu ada pada label makanan. **TP1**

   i. ……..

   ii. ……..

   iii. ……..

   iv. ……..

(4 markah)

2. Jelaskan tiga kepentingan label makanan kepada pengguna. **TP2**

   i. ……..

   ii. ……..

   iii. ……..

(3 markah)

LIVEWORKSHEETS

ARAS SEDERHANA

Rajah 1

3. Rajah 1 adalah pembungkus sejenis makanan. Nyatakan dua maklumat yang terdapat pada pembungkus tersebut dan terangkan maksudnya. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.

Maklumat	Keterangan

(4 markah)

LIVEWORKSHEETS

BAB 4 : MAKANAN DAN PEMAKANAN	
4.5 Label Makanan	
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 4.5.5 Menghasilkan label makanan yang kreatif berdasarkan produk makanan yang akan dipasarkan.

ARAS TINGGI

4.

Anda diminta untuk membuat pembungkus bagi produk dalam gambar di atas. Sebagai pereka grafik anda perlu menghasilkan pembungkus makanan yang menarik dan memasukkan maklumat penting dalam label yang akan anda buat. Lukis dan labelkan dengan jelas dalam ruang yang disediakan.

LIVEWORKSHEETS

SKEMA

1.

- Tarikh luput penggunaan
- Komposisi makanan
- Senarai ramuan
- Nama dan alamat pengilang
- Kod bar
- Jenama makanan
- Isi padu / berat sebenar makanan
- Pengawet dan pewarna
- Tanda "Halal" Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

2.

- Membantu pengguna membuat pilihan yang lebih bijak tentang makanan yang hendak dibeli.
- Memudahkan pihak berkuasa membuat pemantauan dan tindakan kepada pengeluar yang menipu pengguna dengan tidak mematuhi label yang dilekatkan.
- Menyokong aktiviti pendidikan pemakanan untuk menggalakkan penggunaan prinsip piramid makanan dalam pemilihan makanan.
- Membantu suri rumah menyediakan sajian yang bermutu dan seimbang untuk keluarga.
- Memastikan pengeluar dan pengilang makanan mengutamakan kandungan zat makanan dalam setiap produk yang dikeluarkan.

3.

MAKLUMAT	KETERANGAN
• Tarikh luput penggunaan	Tarikh tamat tempoh jaminan atau kualiti kesegaran makanan
• Komposisi makanan	Senarai nutrien yang terkandung dalam makanan
• Senarai ramuan	Kandungan bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan.
• Nama dan alamat pengilang	Rujukan jika terdapat masalah berkaitan produk makanan
• Kod bar	Identifikasi barangan di pasaran
• Jenama makanan	Nama produk makanan oleh pembuat, pengeluar atau pengilang di pasaran.
• Isi padu / berat sebenar makanan	Berat sebenar kandungan dalam ukuran metrik
• Pengawet dan pewarna	Bahan tambahan yang terdapat dalam ramuan makanan.
• Tanda "Halal" Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Piawaian kepada produk yang bersih, baik dan suci.

4. Lukisan 1m
Setiap Lebel yang betul 1m

- Tarikh luput penggunaan
- Komposisi makanan
- Senarai ramuan
- Nama dan alamat pengilang
- Kod bar
- Jenama makanan
- Isi padu / berat sebenar makanan
- Pengawet dan pewarna
- Tanda "Halal" Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

LIVEWORKSHEETS